

UUM ONLINE: Menteri Penyelidikan dan Teknologi Indonesia, Drs H Suharna Surapranata M T mahu universiti-universiti Indonesia mencontohi universiti di Malaysia terutama dalam menghasilkan penyelidikan bagi memperbaiki mutu kehidupan rakyat di republik itu.

Beliau berkata, usaha memperbaiki kehidupan rakyat dari segi sosial, ekonomi dan teknologi boleh membantu rakyat Indonesia untuk membangun dengan lebih maju di masa depan.

"Jika dilihat, negara ini agak ketinggalan dari segi Indeks Daya Saing Global di belakang Malaysia dan kita (Indonesia) harus bergerak seiring dengan Malaysia untuk membangunkan negara.

"Justeru itu, kerjasama universiti kedua-dua negara yang dimeterai diharap dapat membantu meleraikan beberapa masalah yang dialami Indonesia melalui kajian-kajian yang hebat.

"Jadi kami harap kerjasama ini dapat mewujudkan hasil penyelidikan yang baik bagi membolehkan kedua-dua negara maju dan terus membangun dalam semua aspek terutama ekonomi dan sosial," katanya ketika sidang akhbar di sebuah hotel sempena Program High-Impact Jakarta, di sini pada 23 Julai lalu.

Sebelum itu, beliau berucap ketika majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan 14 universiti Indonesia.

Antara 14 universiti itu ialah Universitas Indonesia, Universitas Diponegoro dan Universitas Padjajaran yang merupakan universiti terbaik di Indonesia.

Universiti lain ialah Universitas Udayana, Universitas 11 Maret, Universitas Hasanuddin Makasar, Universitas Negeri Jakarta dan Universitas Muhammadiyah Yogyakarta, Universitas Paramadina, Universitas Ahmad Dahlan, Universitas Sanggabuana, Universitas Ibn Kaldun, Universitas 17 Agustus dan Universitas Islam Riau.

Beliau menegaskan bahawa kerjasama ini adalah peluang baik untuk negaranya untuk terus mencontohi pembangunan pesat di Malaysia.

"Pertukaran pelajar dan pensyarah antara kedua-dua negara juga adalah satu perkembangan positif yang mampu mewujudkan jaringan persahabatan dan pertukaran maklumat untuk memantapkan lagi mutu pembelajaran di semua universiti yang terbabit," katanya.

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my